



GARIS PANDUAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BILANGAN 2 TAHUN 2015

G A R I S P A N D U A N  
P E M B U A T A N ,  
P E N G E N D A L I A N ,  
P E N J U A L A N D A N  
P E L U P U S A N B A H A N -  
B A H A N P E N E R B I T A N D A N  
P E R H I A S A N Y A N G  
M E N G A N D U N G I A Y A T -  
A Y A T S U C I A L - Q U R A N

جَابَتَانِ كَمَا جَوَانِ إِسْلَامِ مَالِيسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



GARIS PANDUAN  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BILANGAN 2 TAHUN 2015



G A R I S P A N D U A N  
P E M B U A T A N ,  
P E N G E N D A L I A N ,  
P E N J U A L A N D A N  
P E L U P U S A N B A H A N -  
B A H A N P E N E R B I T A N D A N  
P E R H I A S A N Y A N G  
M E N G A N D U N G I A Y A T -  
A Y A T S U C I A L - Q U R A N

جائتہ کما جوان اسلام ملیسیا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA





GARIS PANDUAN  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BILANGAN 2 TAHUN 2015



G A R I S P A N D U A N  
P E M B U A T A N ,  
P E N G E N D A L I A N ,  
P E N J U A L A N D A N  
P E L U P U S A N B A H A N -  
B A H A N P E N E R B I T A N D A N  
P E R H I A S A N Y A N G  
M E N G A N D U N G I A Y A T -  
A Y A T S U C I A L - Q U R A N

(Garis panduan ini telah diperakukan oleh Panel Pakar Syariah Jakim dalam Mesyuaratnya Kali Ke-82 pada 17-19 Jun 2013)

جائتہن کما جواں اسلام ملیسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Cetakan Ketiga 2015

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARISAN PANDUAN PEMBUATAN, PENGENDALIAN, PENJUALAN  
DAN PELUPUSAN AYAT SUCI AL-QURAN

Konsep, Rekabentuk dan Cetakan :

**FM SECURITY PRINTER SDN. BHD.**

Wisma FM Holding No. 10 Persiaran 65C,

Pekeliling Business Center, Jalan Pahang Barat,

53300 Kuala Lumpur

# KANDUNGAN

<b>Kata Alu-Aluan</b> Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	i
<b>Tujuan</b>	1
<b>Latar Belakang</b>	2
<b>Takrifan</b>	2
<b>Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Ayat Suci Al-Quran</b>	5
Pembuatan	5
Pengendalian	6
Penjualan	7
Pelupusan	8
<b>Penutup</b>	9

# **K**ata Alu-Aluan

السلام عليكم ورحمة الله

Alhamdulillah, dengan rasa penuh kesyukuran dan segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia-Nya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berjaya menerbitkan Garis Panduan Bahan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan Penerbitan dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-ayat Suci Al-Quran sebagai panduan masyarakat yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti berkaitan penerbitan dan pengendalian bahan-bahan yang mengandungi ayat al-Quran.

Al-Quran merupakan wahyu Allah SWT dan kalam paling suci sebagai petunjuk dan panduan kepada manusia. Oleh itu, ayat-ayat suci al-Quran hendaklah dipelihara dan dijaga dengan baik dari segi pembuatan, pengendalian, penjualan dan termasuklah pelupusannya bagi memastikan setiap aspek pengendalian tidak mencemarkan kemuliaan ayat-ayat suci al-Quran.

Akhirnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menjayakan penerbitan garis panduan ini, dan mengharapkan kerjasama semua pihak untuk mematuhi garis

panduan yang telah disediakan bagi menjaga kesucian ayat-ayat suci al-Quran.

Sekian, terima kasih.



**DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA**

**Ketua Pengarah**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



## TUJUAN

**G**aris panduan ini disediakan sebagai panduan dalam pengurusan dan penjagaan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim demi memelihara kesucian al-Quran al-Karim. Garis panduan ini menjadi rujukan kepada para pengusaha, pengilang, penjual, pekerja dan semua pihak yang terlibat dengan kegiatan pembuatan, pengendalian, penjualan dan pelupusan bahan-bahan penerbitan serta perhiasan-perhiasan yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran.

## **LATAR BELAKANG**

2. Aktiviti pembuatan, pengendalian, penjualan dan pelupusan bahan-bahan penerbitan serta perhiasan yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran berlaku dengan begitu meluas.
3. Bahan-bahan tersebut terdapat dalam pelbagai bentuk dan kegunaan, antaranya ialah:
  - (a) Bahan penerbitan bercetak seperti buku, surat khabar, majalah, cakera optik, pita kaset dan memori kad, poster, kain rentang, pakaian dan premis-premis.
  - (b) Bahan perhiasan seperti cenderamata, gambar berbingkai, pelekat, aksesori dan lain-lain.
4. **Orang-orang bukan Islam tidak dibenarkan menulis, mengukir, membentuk, mempamer dan menjual barang-barang yang mengandungi ayat-ayat al-Quran.**

## **TAKRIFAN**

5. Beberapa takrifan yang perlu difahami terdapat di dalam garis panduan ini, iaitu:
  - (a) **“Pembuatan”** bermaksud perihal (kegiatan, usaha dsb) membuat. (Kamus DBP).

Ia termasuk aktiviti merekabentuk, menulis, mencetak, menerbit, mengilang, menjilid, mengukir dan menempa yang bertujuan menghasilkan sesuatu bahan penerbitan atau

barangan yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran.

- (b) **“Pengendalian”** bermaksud perihal mengendalikan (mengegang, menguasai, mengurus, dll) (Kamus DBP).

Ia termasuklah pengurusan yang meliputi kegiatan memperaga, mempamer, meletak, menyimpan, memegang, membungkus, mengedar dan menghantar bahan-bahan yang mengandungi kalimah ayat suci al-Quran.

- (c) **“Penjualan”** bermaksud perbuatan (kerja) menjual (Kamus DBP)

Ia termasuklah proses jual beli yang meliputi aktiviti-aktiviti import-eksport, memperaga, mempamer, meletak, mengendali, memegang, membungkus, mengiklankan, bahan-bahan yang mengandungi kalimah ayat suci al-Quran.

- (d) **‘Ayat Al-Quran’** – meliputi mana-mana bahagian ayat al-Quran dalam Bahasa Arab.

- (e) **‘Bahan al-Quran’** – bermaksud sesuatu dokumen yang mengandungi mana-mana bahagian ayat al-Quran, selain daripada ‘teks al-Quran’.

- (f) **‘Dokumen’** – bermaksud apa-apa yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana ia digambarkan, atas apa-apa benda, bahan atau artikel, termasuklah apa-apa yang terkandung

dalam cereka, pita, filem, runut bunyi atau apa jua peranti lain, dengan menggunakan:

- i) Huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua bentuk penyataan, perihalan, atau gambaran lain;
  - ii) Apa-apa rakaman tampak sama ada imej kaku atau bergerak;
  - iii) Apa-apa rakaman bunyi atau apa-apa rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik atau apa jua pun data lain;
- (g) **“Premis”** bermaksud bangunan dan kawasan tempat diuruskan perniagaan dsb. (Kamus DBP).

Ia termasuklah mana-mana tempat, kedai-kedai, supermarket gerai ekspu, pasar malam, termasuk kilang, bengkel, setor penyimpanannya, kereta, kapal, kapal terbang dan seumpamanya.

- (h) **“Pelupusan”** bermaksud perihal (perbuatan dsb) melupuskan (Kamus DBP).

Ia termasuklah mentiadakan atau memusnahkan bahan-bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran.

## **GARIS PANDUAN PEMBUATAN, PENGENDALIAN, PENJUALAN DAN PELUPUSAN AYAT SUCI AL-QURAN**

### **Pembuatan**

6. Semua aktiviti berkaitan dengan pembuatan bahan-bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran hendaklah:

- (a) Orang yang membuat urusan pembuatan adalah orang Islam seperti menjilid, filem, dan sebagainya.
- (b) Ayat yang dicetak hendaklah diambil daripada al-Quran mashaf Rasm Uthmani dan mengikut kaedah seni khat yang betul.
- (c) Dilakukan di tempat yang bersih dan terkawal daripada pencemaran najis.
- (d) Menggunakan bahan-bahan pembuatan serta alat-alat yang bersih dan suci mengikut hukum syarak.
- (e) Tidak terdedah kepada kemungkinan dilangkah atau dipijak seperti diletakkan di atas lantai.
- (f) Menyediakan tempat pembuangan khas untuk dilupuskan.
- (g) Dilarang mencetak ayat al-Quran di akhbar-akhbar, key-chain, kasut, baju, kad ucapan, kad undangan perkahwinan, jubin, VCD dan seumpamanya kerana dikhuatiri tidak dapat menjaga kesuciannya sekalipun untuk tujuan pengiklanan.

- (h) Dilarang menulis ayat-ayat al-Quran dengan tulisan yang bukan huruf Arab atau bukan sistem tulisan al-Quran selain daripada Bahasa Arab.
- (i) Dilarang menulis atau membentuk ayat-ayat suci al-Quran di dalam binatang, manusia, bangunan, alat permainan seperti wau, tumbuhan, bunga-bunga dan seumpamanya.

### **Pengendalian**

7. Semua aktiviti berkaitan dengan pengendalian bahan-bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran hendaklah:

- (a) Dilakukan oleh orang yang beragama Islam.
- (b) Tidak boleh dilangkah atau diletakkan di atas lantai, atau terdedah kepada cuaca yang boleh merosakkan seperti hujan.
- (c) Diletakkan di tempat yang khas dan tidak boleh ditindih dengan bahan-bahan lain yang boleh mencemarkan kesuciannya.
- (d) Bagi menyentuh dan membawa mashaf al-Quran yang lengkap, pengendali hendaklah mempunyai air sembahyang serta tidak berhadap besar kecuali al-Quran dalam format cereka optik seperti CD, Braille dan paparan skrin telefon bimbit.
- (e) Menanggung dan menyentuh mushaf bersama tafsirnya tidak menjadi haram sekiranya tafsirnya lebih banyak. Jika tafsir itu sama banyak, atau tafsirnya sedikit atau diragukan mana yang lebih

banyak, maka adalah haram menyentuhnya. Ulama juga menggariskan kedudukan antara mushaf dan tafsir dalam mengukur banyak sedikitnya. Ketika menanggungnya yang diambil kira ialah jumlah Al-Quran dan tafsirnya. Manakala dalam perkara menyentuh, yang perlu diperhatikan ialah tempat di mana ia meletakkan tangannya. Jika pada tempat itu tafsirnya lebih banyak, tidak haram menyentuhnya, tetapi jika Al-Quran lebih banyak, haram menyentuhnya. (Tanah Al-Thalibin: 1:82)

- (f) Bungkus yang mengandungi bahan al-Quran hendaklah dilabel bertanda 'ADA MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN'.
- (g) Pengiriman al-Quran melalui pos hendaklah secara berdaftar dan dibungkus serta dibalut dengan sempurna. Untuk menjaga keselamatan dan kesucian al-Quran, maka pengiriman melalui pos tidak digalakkan.

## **Penjualan**

8. Semua aktiviti berkaitan dengan penjualan bahan-bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran hendaklah;

- (a) Dilakukan oleh orang yang beragama Islam sahaja.
- (b) Penjualan bahan-bahan gunaan dan hiasan perlulah mendapat kelulusan daripada Jakim dan pihak berkuasa agama negeri iaitu Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

- (c) Tidak terdedah kepada kemungkinan dilangkah atau dipijak seperti diletakkan di atas lantai atau seumpamanya.
- (d) Bagi menyentuh dan memegang bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran secara lengkap, pengendali hendaklah mempunyai air sembahyang serta tidak berhadass besar.
- (e) Tidak diperaga atau dipamer berhampiran dengan bahan-bahan jualan yang dilarang dalam Islam, seperti patung, bahan tidak bermoral, bahan yang menjolok mata, atau yang dianggap boleh merendahkan ayat suci al-Quran.
- (f) Dilarang membungkus bahan-bahan jualan dengan apa-apa kertas yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran.
- (g) Pengimport atau pengeksport hendaklah beragama Islam.

## **Pelupusan**

9. Bahan buangan atau lebihan yang mengandungi huruf atau ayat-ayat suci al-Quran hendaklah dilupuskan secara berasingan daripada bahan-bahan lain, serta dilarang menggunakannya semula bagi apa-apa tujuan sekalipun.

10. Kaedah pelupusan sama ada secara pembakaran atau ditanam. Al-Quran yang rosak, koyak, yang tidak boleh dibaca dan yang bukan Rasm Uthmani hendaklah dilupuskan. Kaedah pelupusan adalah dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam di tempat yang dikawal.



11. Cara pembakaran adalah seperti yang berikut:
- (a) Bahan yang mengandungi ayat-ayat al-Quran yang dibakar hendaklah menyeluruh tanpa tertinggal mana-mana bahagian yang tidak terbakar.
  - (b) Bahan-bahan atau debu yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran yang telah dibakar hendaklah dipastikan dikumpul supaya tidak ditiup angin atau bersepah.
  - (c) Bahan yang telah dibakar hendaklah ditanam pada tempat yang bersih atau dibuang ke dalam laut atau sungai yang mengalir airnya.
  - (d) Kerja-kerja pembakaran hendaklah dikawal selia oleh pegawai Jabatan Agama Islam atau pihak yang mahu melupuskan bahan-bahan tersebut
12. Termasuk dalam Garis Panduan ini ialah hadis-hadis nabi dan doa-doa yang mengandungi gabungan ayat-ayat suci al-Quran atau nama-nama Allah di dalamnya.

## **PENUTUP**

13. Sesungguhnya al-Quran itu adalah peninggalan Rasulullah SAW kepada seluruh umatnya sebagai panduan dan pedoman hidup. Sesiapa yang membaca dan mengamalkan isi kandungannya nescaya akan selamat di dunia dan di akhirat.

14. Maka dengan sebab itu, garis panduan ini diadakan agar dapat menjadi panduan asas dalam menjaga kesucian dan kehormatan al-Quran al-Karim.

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkenaan garis panduan ini bolehlah diajukan kepada:

**Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,  
Blok D7, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62519 Putrajaya.**

Tel : +60 3-8886 4000

Facsimile : +60 3-8889 2039





GUIDELINE ON  
DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA  
VOLUME 2 YEAR 2015



G U I D E L I N E O N  
M A N U F A C T U R I N G ,  
H A N D L I N G ,  
S E L L I N G , A N D  
D I S P O S I N G  
O F P U B L I S H I N G  
A N D D E C O R A T I V E  
M A T E R I A L S  
W H I C H C O N T A I N  
Q U R A N I C V E R S E S

جایتن کما جوان اسلام ملیسیا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA





GUIDELINE ON  
DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA  
VOLUME 2 YEAR 2015



GUIDELINE ON  
MANUFACTURING,  
HANDLING,  
SELLING, AND  
DISPOSING  
OF PUBLISHING  
AND DECORATIVE  
MATERIALS  
WHICH CONTAIN  
QURANIC VERSES

(The guidelines were endorsed by the Shariah Expert Panel Meeting of Inter Jakim-82 on 17-19 June 2013)

جائتین کما جوائن اسلام ملیسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Third printing 2015

© 2015 Department of Islamic Development Malaysia

All Rights Reserved. May not be reproduced any part of the article, illustrations and content of this book in any form and by any means, either electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise without prior written permission from the Director General, Department of Islamic Development Malaysia , Federal Government Administrative Centre, 62519 Putrajaya. Negotiations are subject to the calculation of royalty or honorarium.

National Library

Data Cataloging-in-Publication

GUIDELINE ON MANUFACTURING, HANDLING, SELLING, AND  
DISPOSING OF PUBLISHING AND DECORATIVE MATERIALS WHICH  
CONTAIN QURANIC VERSES

Concept, Design and Print:

FM SECURITY PRINTER SDN. BHD.  
Wisma FM Holding No. 10 Persiaran 65C,  
Pekeliling Business Center, Jalan Pahang Barat,  
53300 Kuala Lumpur

# CONTENTS

<b>Foreword</b>	1
<b>Purpose</b>	2
<b>Background</b>	3
<b>Definition</b>	3
<b>Guideline On Manufacturing, Handling, Selling And Disposing Of Qur'anic Verses</b>	5
Manufacturing	5
Handling	6
Selling	8
Disposal	9
<b>Conclusion</b>	10



## FOREWORD

السلام عليكم ورحمة الله

Praise be to Allah, the Almighty, for Whose grace the Department, Malaysia (JAKIM) has managed to publish the Guideline on Manufacturing, Handling, Selling and Disposing of Publishing and Decorative Materials which Contain Qur'anic Verses to serve as a guideline for those involved in publishing and handling materials which contain Qur'anic verses.

The Qur'an is a divine revelation by Allah, the Almighty as a guide for mankind. Thus, Qur'anic verses must be well taken care of in terms of manufacturing, handling, selling and disposing of them so as to ensure that each handling aspect does not violate the sacredness and holiness of the Qur'an.

We hope that all parties will cooperate in observing this guideline in order to protect the sacredness and sanctity of the Qur'an against any violation.



**Dato' Haji Othman bin Mustapha**

Director-General

Department of Islamic Development, Malaysia  
(JAKIM)

## **PURPOSE**

**T**he purpose of this guideline is to serve as a guideline to preserve the sacredness of the Qur'anic verses. This guideline will serve as a reference for the two following parties:

- (i) Entrepreneurs, manufacturers, sellers, workers, and those involved in manufacturing, handling, selling, and disposing of publishing and decorative materials containing Qur'anic verses.
- (ii) Government agencies at the state and federal levels responsible for issuing approvals for and controlling related activities.

## BACKGROUND

2. Activities of manufacturing, handling, selling and disposing of publication and decorative materials containing Qur'anic verses occur on a wide scale.
3. These materials come in different forms such as:
  - (a) Printed publications including book, newspaper, magazine, optical discs, cassettes tapes, memory cards, poster, banner, and clothing.
  - (b) Decorative materials including souvenir, framed picture, sticker, accessory, and other the like.
4. **Non-Muslims are prohibited and not allowed to write, carve, shape, display and sell materials containing Qur'anic verses.**

## DEFINITION

5. Several definitions that need to be understood in the guidelines, namely:
    - (a) **“Manufacturing”** means the act (activity, process, etc.) of making something.  
  
It includes the act of designing, writing, printing, publishing, producing, binding, carving, and casting with the purpose of producing a published material or an item which contains Qur'anic verses.
    - (b) **“Handling”** means to handle (deal with, be in charge of, manage, etc.)
-

It covers the act of managing including exhibiting, displaying, placing, keeping, holding, packing, distributing and dispatching materials which contain Qur'anic verses.

- (c) **“Selling”** means to sell.

It includes the process of selling and purchasing which includes also importing, exporting, exhibiting, displaying, placing, holding, packing and advertising materials which contain Qur'anic verses.

- (d) **“Qur'anic verses”** – includes any part of the verses of the Qur'anic in Arabic.

- (e) **“Qur'anic materials”** means any document which contains any Qur'anic verses, as opposed to one “Quranic text” as defined in this section.

- (f) **“Document”** means any matter expressed, described or howsoever represented upon any substance, material, thing or article including any matter embodies in a disc, tape, film, sound track or other device whatsoever by means of:

- (i) Letter, figures, marks, symbols, signals, signs, or any other forms of expressions, description or representation whatsoever;
- (ii) Any tangible recording whether still or animated images;

- (iii) Any sound recording, or any electronic, magnetic, mechanical or other recording whatsoever and howsoever made, or any sound, electronic impulse or other data whatsoever;
- (g) **“Premises”** means any building and any area in which a business and the like is being conducted. It includes any place, shop, supermarket, expo stall, night market including factory, workshop, store, car, aeroplane, and the like.
- (h) **“Disposing of”** means to dispose of. or to get rid of

It includes eliminating or destroying materials which contain Qur’anic verses.

## **GUIDELINE ON MANUFACTURING, HANDLING, SELLING AND DISPOSING OF QUR’ANIC VERSES**

### **Manufacturing**

- 6. All activities related to the manufacturing of materials containing Qur’anic verses must adhere to the following:
  - (a) The manufacturing activities such as binding, filming, and the like must be carried out by Muslims.
  - (b) The verse to be printed must be taken from the Mushaf Rasm Uthmani Qur’an and in accordance with the correct Arabic calligraphy method.

- (c) Must be conducted in a clean place free of impurities.
- (d) Must use manufacturing materials and equipment which are **clean and** pure in accordance with the Islamic law.
- (e) The Qur'anic verses must not be exposed to the possibility of being stepped over or stepped on such as being placed on the floor.
- (f) A special discarding place for the purpose of disposal must be provided.
- (g) It is prohibited to print Qur'anic verses in newspapers, *key chains*, shoes, clothing, greetings, cards, weddings invitation cards, tiles, VCD's and the like out of concern that the sanctity of the Qur'anic verses cannot be preserved although for advertising purpose.
- (h) It is prohibited to write in any writing apart from Arabic.
- (i) It is prohibited to write or shape Qur'anic verses in the form of animals, humans, buildings, game equipment such as the wau, plants, flowers and the like.

## **Handling**

7. All activities related to the handling of materials containing Qur'anic verses must be conducted by those who are Muslims:

- (a) Quranic verses cannot be stepped over, placed on the floor, or exposed to bad weather such as rain that can cause damage.
- (b) Quranic verses must be kept in special places and must not be overlapped by other materials which can violate their sacredness.
- (c) In order to touch and carry the complete Mushaf of the Quran, handlers must have done the ablution (wudu') and must not be in the state of major impurity unless the Quran is in optical disc format such as CD, braille, and handphoned screen display.
- (d) Touching and carrying the mushaf that contains exegesis without ablution is not prohibited provided that the content of the exegesis is more than the Quranic verses. But, if the exegesis is equal to, or less than the Quranic text, or there is doubt which is more, then the mushaf is not to be touched without ablution. Scholars also outlined the benchmark in distinguishing between a mushaf and a Quranic exegesis based on the amount of the content of each.

When carrying a mushaf, what is to be taken into consideration is the amount of Quranic verses as compared to its exegesis, while to touch a mushaf, it is the contact points that count. (I'annah al-Thalibin: 1:82)

- (e) Quranic materials in optical disc format must not be taken to dirty and filthy places such as toilets and the like in order to preserve the sanctity of the Quran.

- (f) Packages which contain Quranic materials must be labeled **“CONTAINS HOLY QURANIC VERSES”**.
- (g) Senders of the Qur’an by post must use registered mail, and pack and wrap the Qur’an in a proper manner. To preserve the safety and purity of the Qur’an, postal delivery is not encouraged.

## **Selling**

8. All activities related to the selling of materials which contain Quranic verses must be conducted by those who are Muslims only:

- (a) The sale of consumer and decorative materials which contain Quranic verses must obtain prior approval from Jakim and the relevant State Islamic Religious Department.
- (b) Materials with Quranic verses must not be exposed to the possibility of being stepped over or stepped on such as being placed on the floor and the like.
- (c) In order to touch or hold any materials which contains complete Quranic verses, handlers must have ablution and must not be in the state of major impurity.
- (d) Materials with Quranic verses must not be displayed near merchandises prohibited by such as statues, immoral materials, any material that can degrade, or the sanctity of the Quranic verses.



- (e) Each material for sale must be packed in a proper manner and must not use paper or materials contain writings or pictures.
- (f) It is prohibited to wrap materials for sale with any paper containing Quranic verses.
- (g) Importers and exporters must be Muslims.

## **Disposal**

9. Materials which contain Quranic letters or verses must be disposed of separately from other materials and must not be reused for any other purposes.

10. The method of disposal of defective, torn, illegible, and non-Uthmani script of the Qur'an is either by burning or burying. The burning and burying methods must be carried out in a controlled environment.

11. The burning method is as follows:

- (a) Materials containing Qur'anic verses must be burned completely without leaving any parts unburned.
- (b) Leftovers or dust containing Qur'anic verses which have been burned must be collected so sure that they are not blown by the wind or scattered.
- (c) Burned materials must be buried in a clean place or in the sea/flowing river.

- (d) The burning must be supervised by an officer from the Islamic Religious Department or the party wanting to dispose of the said materials.

12. This guideline includes the prophetic traditions and prayers containing combinations of Qur'anic verses or Allah's names.

## **CONCLUSION**

13. Verily Quran is the legacy of Prophet Muhammad PBUH ment to guide the life of the whole ummah, whoever read and practice the content, he/she shall have a success in this world and in the hereafter.

14. With that in mind, this guideline is prepared so that it could guide us to preserve the purity and sanctity

For inquiries and feedback on these guidelines can be directed to:

**Director General  
Department of Islamic Development Malaysia,  
Block D7, Complex D,  
Federal Government Administrative Centre,  
62519 Putrajaya.**

Tel: +60 3-8886 4000

Facsimile: +60 3-8889 2039





Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan para pengusaha, pengilang, penjual, pekerja dan pihak-pihak yang terlibat dengan kegiatan pembuatan, pengendalian, penjualan dan pelupusan bahan penerbitan serta perhiasan yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran.